

UNTUK EDARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PENGOPERASIAN INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BAGI TAHUN 2021**

Selaras dengan perutusan Tahun Baharu 2021 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 31 Disember 2020, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa kesemua institusi pendidikan bawah KPM dan semua kategori institusi pendidikan swasta (IPS) yang berdaftar dengan KPM termasuk sekolah antarabangsa akan dibuka berdasarkan takwim penggal persekolahan dan institusi pendidikan bagi tahun 2021. Takwim ini boleh dirujuk di laman sesawang KPM di www.moe.gov.my/takwim. Takwim bagi IPS pula adalah berdasarkan tarikh penggal persekolahan institusi masing-masing.

Pembukaan ini melibatkan institusi pendidikan di seluruh negara termasuk di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

KPM ingin menegaskan bahawa pengoperasian kesemua institusi pendidikan adalah tertakluk kepada pematuhan Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah Dalam Norma Baharu dan Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Institut Pendidikan Guru dan Kolej Matrikulasi Dalam Norma Baharu.

KPM akan sentiasa memantau keadaan semasa pengoperasian institusi pendidikan bersama-sama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi memastikan aspek kesihatan dan keselamatan warga institusi pendidikan terus diutamakan.

-TAMAT -

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
2 JANUARI 2021**